



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 27 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	GANGGUAN BERMULA DI LAMAN SOSIAL, TALIAN	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1064334/gangguan-bermula-di-laman-sosial-talian	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	200 KELUARGA KURANG BERNASIB BAIK TERIMA SUMBANGAN DARIPADA YAYASAN PETRONAS	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/26/200-keluarga-kurang-bernasib-baik-terima-sumbangan-daripada-yayasan-petronas	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	ENSURING CHILDREN ATTEND PRE-SCHOOL	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/ensuring-children-attend-pre-school/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PEMUDA HILANG KAKI SEDIH TAK DAPAT BANTU KELUARGA	
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/26/pemuda-hilang-kaki-sedih-tak-dapat-bantu-keluarga/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	WANITA DUA ANAK TERLANTAR SAKIT, SUAMI HILANGKAN DIRI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/651440/edisi/melaka-ns/wanita-dua-anak-terlantar-sakit-suami-hilangkan-diri	SINARHARIAN.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	RISDA GERAK PEWARIS PERKASA EKONOMI KAUM WANITA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/risda-gerak-pewaris-perkasa-ekonomi-kaum-wanita/	UTUSAN.COM.MY
	https://umno-online.my/2024/02/26/merasmikan-program-penggerak-wanita-risda/	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	REMAJA ROGOL KEKASIH DIPERINTAH DIHANTAR KE SEKOLAH HENRY GURNEY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/26/remaja-rogol-kekasih-diperintah-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://suarasarawak.my/remaja-diperintahkan-ke-sekolah-hendry-gurney-rogol-kekasih/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.theborneopost.com/2024/02/26/boy-in-kuching-sent-to-henry-gurney-school-for-raping-minor/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	LELAKI PAKISTAN MENGHENDAP WANITA DIDENDA RM6,000	
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/lelaki-pakistan-menghendap-wanita-didenda-rm6000/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/26/mengaku-salah-hendap-wanita-warga-pakistan-didenda-rm6000/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064466/lelaki-pakistan-menghendap-wanita-kena-denda	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/26/lelaki-pakistan-menghendap-wanita-didenda-rm6000/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	KES ROGOL DI JEJANTAS: LELAKI PAKISTAN TUKAR PENGAKUAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064500/kes-rogol-di-jejantas-lelaki-pakistan-tukar-pengakuan	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/651482/berita/semasa/lelaki-pakistan-rogol-rompak-wanita-di-jejantas-tukar-pengakuan-tidak-bersalah	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/26/pakistani-man-changes-plea-to-not-guilty-to-raping-woman-at-overhead-bridge	THESTAR.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/26/pakistani-changes-plea-to-not-guilty-in-rape-robbery-trial/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://mykmu.net/2024/02/26/warga-pakistan-mengaku-salah-skodeng-amoi/	MYKMU.NET
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/penganggur-tukar-pengakuan-rogol-rompak-wanita-di-jejantas-stesen-ktmb/	UTUSAN.COM.MY
	https://utusan.com.my/2024/02/26/rogol-atas-jejantas-warga-pakistan-tukar-pengakuan-kepada-tidak-bersalah/	UTUSANTV.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	BAYI 16 BULAN MINUM 'SUSU SYABU' SUDAH PULIH	
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/26/bayi-16-bulan-minum-susu-syabu-sudah-pulih/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1216835/keadaan-bayi-minum-susu-dibancuh-air-syabu-makin-sihat	BHARIAN.COM.MY
	https://harapandaily.com/2024/02/26/bayi-diberi-minum-susu-dibancuh-syabu-dalam-keadaan-sihat/	HARAPANDAILY.COM



Gangguan bermula di laman sosial, talian

Raja Noraina Raja Rahim dan Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
am@hmetro.com.my



Mangsa 'tak sedar' gambar, video digunakan pelaku sebagai ugutan.

Kuala Lumpur: Kebanyakan kes gangguan seksual terhadap lelaki terutama dalam kalangan kanak-kanak lelaki bermula di dalam talian atau laman sosial.

Perunding Keselamatan dan Pertahanan Diri Saiful Hamiruzzaman Mohd Hazir berkata, hanya daripada perkongsian gambar dan video yang dianggap sebagai gurauan serta suka-suka menjerat mereka menjadi mangsa.

Beliau yang juga Pengurus Program Pertubuhan Pengamal Pencegahan Jenayah Kuala Lumpur berkata, kes gangguan seksual secara dalam talian amat serius dan menunjukkan peningkatan sama ada kepada lelaki, kanak-kanak mahupun remaja.

"Antara punca dikenal pasti berlakunya gangguan seksual itu apabila mangsa tanpa rasa malu memberikan gambar tidak senonoh kepada pelaku kerana menganggap ia perkara biasa.



SAIFUL

"Antara lain adalah mangsa mengambil sikap mendiamkan diri kerana menganggap ia bukan sesuatu yang serius.

"Ada antara mereka yang menjadi mangsa ini turut diperas ugut pelaku yang menjanjikan bayaran atau hadiah," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, peningkatan kes gangguan seksual terhadap lelaki turut disumbangkan oleh kurangnya kesedaran dan pendedahan mengenai perkara itu.

Dalam pada itu, katanya, kes seksual kanak-kanak lelaki yang membabitkan sumbang mahram juga berlaku kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan bahawa sesuatu tindakan pelaku terhadap mereka adalah salah.

Lebih memburukkan keadaan, katanya, mangsa, ibu bapa atau penjaga malu untuk membuat laporan kepada pihak polis terutama jika pelaku itu adalah ahli keluarga sendiri atau individu dikenali.

"Stigma masyarakat yang selalu menyalahkan mangsa menyebabkan mangsa dan ahli keluarga malu untuk tampil membuat laporan," katanya.

Saiful berkata, program pendidikan dan perlindungan tidak mencukupi di sekolah atau pusat pendidikan kanak-kanak turut menyebabkan golongan itu kurang pengetahuan mengenai kes gangguan dan jenayah seksual.

Justeru, beliau mengharapkan kerjasama daripada masyarakat terutama ibu bapa dan pihak sekolah supaya memberi pendedahan di peringkat awal bagi mencegah jenayah itu terus berleluasa.

Gangguan seksual bukan benda kelakar

Isu gangguan seksual bukan sesuatu yang baharu dan seringkali dinormalisasikan sebagai perkara biasa dalam kalangan masyarakat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, cabaran dalam menangani gangguan seksual adalah sesetengah pelaku menganggap pelaku itu sebagai jenaka yang tidak menyinggung atau merupakan suatu salah faham.

"Namun, hakikatnya apabila mangsa berasa tidak selesa dengan usikan berunsur seksual oleh pelaku, maka ia boleh diklasifikasikan sebagai gangguan seksual. Kementerian berpandangan wujudnya keperluan untuk mengubah norma sosial ini.

"Selaras dengan perkara itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengadakan Program Jerayawara Kasih KPWK@Advokasi Antigangguan Seksual melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) di seluruh negara pada tahun lalu bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai gangguan seksual," katanya kepada Harian Metro.

Mengulas lanjut, Noraini tidak menafikan gangguan seksual kebiasaannya membabitkan mangsa wanita namun golongan lelaki juga boleh menjadi mangsa.

"Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) yang digubal sebagai platform alternatif kepada perundangan dan dasar sedia ada bagi menangani isu gangguan seksual.

"Dalam hal ini, Akta 840 adalah terpakai kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina dan memberi ruang kepada sesiapa yang diganggu secara seksual untuk mengemukakan aduan kepada Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS)," katanya.

Menurutnya, penubuhan TAGS diharapkan dapat menambah baik sistem perundangan dan keadilan sedia ada di negara ini melalui pengendalian aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos yang minimum.

"Serta menyediakan platform bagi memberikan tebus rugi kepada mangsa yang telah diganggu secara seksual termasuk mangsa lelaki. TAGS yang akan beroperasi kelak adalah satu badan bebas yang tidak terikat dengan mana-mana pihak.

"Ia secara langsung dapat mewujudkan elemen kepercayaan bahawa aduan yang dikemukakan kelak akan melalui sesi pendengaran yang telus dan jujur tanpa prejudis," katanya.


Selain itu, Noraini yang merupakan Ahli Parlimen Parit Sulong berkata, isu gangguan seksual juga merupakan isu sensitif khususnya bagi golongan lelaki menyebabkan mereka berasa malu dan segan untuk melaporkan perkara yang berlaku.

Disebabkan itu katanya, Perkhidmatan Talian Kasih 15999 disediakan sebagai platform penghubung antara kumpulan sasar dengan kementerian bagi tujuan pertanyaan, aduan dan permohonan bantuan.

"Ia turut merangkumi antara lain kaunseling, perlindungan dan kebajikan termasuk aduan gangguan seksual," katanya

Katanya, kementerian juga mewujudkan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) sebagai pusat rujukan khusus untuk kumpulan sasar, mengemukakan aduan dan pertanyaan, mendapatkan perkhidmatan kaunseling secara bersemuka atau dalam talian dan khidmat nasihat serta bimbingan berkaitan pembangunan sosial termasuk berkaitan isu gangguan seksual.

Disiarkan pada: Februari 26, 2024 @ 12:10pm



200 keluarga kurang bernasib baik terima sumbangan daripada Yayasan Petronas

© 2024-02-26T16:53:24+08:00



Staf Petronas mengagihkan bekalan barangan keperluan kepada salah seorang penerima bantuan di bawah program ULF Tahun Baharu Cina 2024 di Bau.

KUCHING: Seramai 200 keluarga kurang bernasib baik di Bau menerima sumbangan daripada Yayasan Petronas berupa bekalan barangan keperluan sempena sambutan Tahun Baharu Cina 2024.

Menurut kenyataan Yayasan Petronas hari ini, setiap keluarga menerima barangan keperluan seperti minyak masak, beras, bihun, gula, tepung, garam, sardin, kari ayam, teh, milo dan cendawan kering serta kuih-muih dibuat peserta program Memampankan Ekonomi Asas Rakyat (MEKAR).

Ini adalah sebahagian daripada program Memeriahkan Kehidupan Semasa Perayaan (ULF) 2024 Yayasan Petronas yang sedang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), tambah kenyataan itu.


Pengurus Besar Petronas Sarawak Zulaihi Mantali berkata sejak 2019, kira-kira 6,450 penerima Cina di Sarawak mendapat manfaat daripada program itu.

"Diharap sumbangan kita ini dapat membawa keriangian kepada keluarga-keluarga kurang bernasib baik sempena sambutan Tahun Baharu Cina tahun ini," kata Zuhaili.

Tahun ini, 2,100 keluarga dari seluruh Malaysia mendapat manfaat daripada program ULF sempena Tahun Baharu Cina.

Program ULF merupakan sebahagian daripada strategi pembangunan dan kesejahteraan komuniti Yayasan Petronas.

Inisiatif ini selaras dengan Agenda Kelestarian Petronas dan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).



Ensuring children attend pre-school

Osman Razali Sarawak News 26 February 2024 5 mins ago



RAZI with SeDidik staff members at the team building programme

KUCHING: The Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development wants all children aged five to six years sent to early childhood education centres.

Deputy Minister for Women, Childhood and Community Development Datuk Mohammad Razi Sitam said the ministry was working closely with the Education Department to further strengthen early childhood education in the state.

He said the co-operation included on issues related to children, especially in the rural areas, who are not sent to early childhood education centres.

"At the ministry level, I have helped solve the issue of absenteeism, not only at the pre-school but also in secondary school.

"We don't cases of children dropping out or not go to school," he said.

The Saribas assemblyman said this when met by the media after officiating at the SeDidik Sarawak 2024 Team Building programme in Damai.


He explained that through SeDidik, the Sarawak Government was trying to ensure that all children will receive early childhood education from as early as five to six years old.

"The Sarawak government has determined that children from low-income families (B40) are given free education.

"That's why SeDidik continues to remain as an option for parents to send their children to study. SeDidik is one of the best platforms for early childhood education.

"In the urban areas, I think parents may have more options such as private schools and even now SeDidik has become the choice of our community," he said.

A total of 203 SeDidik staff members attended the Team Building programme which lasted for three days from Feb 23 to 25.



Pemuda hilang kaki sedih tak dapat bantu keluarga

Oleh AZAHAR HASHIM 26 Februari 2024, 9:20 am



Rosmah menunjukkan kaki kiri anaknya, Muhammad Haikal yang masih berbalut ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Ulu Paip, Karangan, Kulim baru-baru ini.

KULUM – Sebuah keluarga di daerah ini ibarat ‘tempang’ apabila anak sulung yang menjadi harapan keluarga terlibat dalam kemalangan jalan raya sehingga kaki kiri dipotong pada penghujung tahun lalu.

Sebelum terlibat nahas pada 26 November lalu, Muhammad Haikal Syed Abdul Kadir, 21, yang merupakan anak sulung daripada lima beradik bekerja sebagai buruh ladang kelapa sawit.

“Sebagai anak sulung, saya mengambil tanggungjawab membantu bapa (Syed Abdul Kadir Ayob) yang bekerja sebagai pekerja pembersihan.

“Nampaknya bakti saya tidak berpanjangan selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya di pekan Karangan di sini, setelah motosikal yang saya tunggang bertembung dengan kereta.

“Akibat kemalangan itu, saya mengalami kecederaan pada kaki kiri termasuk lutut dan menerima rawatan di Hospital Kulim selama 26 hari,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Ulu Paip, Karangan, di sini baru-baru ini.

Menurut Muhammad Haikal, kecederaan dialaminya menyebabkan bahagian saraf kaki terjejas teruk dan terpaksa menjalani tiga kali pembedahaan.

“Doktor bagaimanapun terpaksa mengambil keputusan memotong kaki kiri sehingga paras betis bagi mengelakkan kesan lebih buruk,” ujarinya.

Disebabkan itu, Muhammad Haikal perlu berulang-alik ke Klinik Kesihatan Kulim setiap dua atau tiga hari untuk mencuci luka. Pemuda itu kini bergerak menggunakan tongkat dan bercadang memohon bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sementara itu, ibunya, Rosmah Ahmad, 42, berkata, dia menganggap kejadian yang menimpa anak lelakinya sebagai ujian untuk mereka sekeluarga.

Selain Muhammad Haikal, empat lagi adik-beradiknya yang lain berusia empat hingga 18 tahun.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Simpanan Nasional Rosmah yang bernombor **0299541100324616**.



Wanita dua anak terlantar sakit, suami hilangkan diri

Oleh NOR FARHANA YAACOB [Follow](#) 26 Februari 2024 03:16pm Masa membaca: 4 minit



Keadaan Fasihah yang hanya mampu terlantar di atas katil selepas terabit dalam kemalangan dua tahun lalu. MELAKA - Seorang suri rumah dua orang anak dari Bukit Rambai di sini, bukan sahaja terlantar sakit malah sejak pulang ke rumah, suami tidak pernah sekali menjenguk keadaannya.

Itulah dugaan yang menimpa Fasihah Zamran, 30, setelah mengalami kecacatan fizikal akibat kemalangan jalan raya pada September 2022 hingga terpaksa minum menggunakan tiub dan memakai lampin pakai buang.

Ibunya, Suriyani Abd Rahman, 50, berkata, insiden yang menimpa anak ketiga daripada 11 beradik itu berlaku ketika Fasihah yang menunggang motosikal bersama anak bongsu perempuan berusia 11 tahun untuk mengambil suaminya di sewa rumah mereka.

Menurutnya, ketika itu Fasihah sekeluarga sedang diuji apabila suami dihalau keluar dari rumah sewa mereka di Taman Merdeka, Batu Berendam disebabkan gagal menjelaskan tunggakan sewa rumah.



Suriyani serta-sisa menemani Fasihah yang terlantar sakit.

"Namun dalam perjalanan ke sana motosikalnya terbabas di Cheng hinggakan besi papan tanda tercucuk tembus ke dalam helmet hingga ke terkena kepalanya.

"Sejak dari itu dia bukan sahaja seperti anak kecil, malah tiada tempurung kepala sebelahnya dan kesakitan itu disebabkan masalah urat saraf," katanya ketika di temui di Kampung Jalan Batang Tiga, Bukit Rambai di sini, pada Isnin.

Tambahnya, sejak dua tahun lalu dia menjaga anak perempuannya itu termasuk dua cucu yang merupakan anak Fasihah dan masih bersekolah berusia 12 dan 14 tahun.

Menurutnya, sejak Fasihah dibawa pulang ke rumah, sehingga hari ini suami wanita bukan sahaja tidak pernah datang melawat dan mengambil tahu keadaan Fasihah dan anak-anaknya malah jauh sekali untuk memberi nafkah.



Fasihah yang dahulunya seorang wanita-certa kini terlantar sakit.

Katanya, meskipun mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 namun tidak mencukupi untuk menanggung perbelanjaan Fasihah termasuk kos lapan tin susu khas dan lampin pakai buang setiap bulan.


"Sebelum ini kami menumpang di rumah anak dan sejak seminggu lalu saya mendiami rumah atas ihsan tanah mak mentua.

"Di rumah yang masih dalam pembinaan ini kami tinggal seramai 11 orang lain termasuk suami dan anak-anak lain serta tiga cucu," katanya.

Tambahnya, dibantu suami dia mengusahakan kedai makan di depan rumah dengan pendapatan dianggarkan sekitar RM30 sehari.

"Sebab rumah ini bukan terletak di tepi jalan, jadi tak ramai yang tahu namun saya percaya pada rezeki, sekurang-kurangnya pendapatan yang ada dapat meringankan beban kami sekeluarga," katanya yang berharap Fasihah beransur pulih dan dapat menguruskan dirinya sendiri suatu hari nanti.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian menerusi akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) Suriyani Abd Rahman 0413529000122232.



RISDA gerak Pewaris perkasa ekonomi kaum wanita



Ahmad Zahid Hamidi bersama sebahagian daripada peserta yang menghadiri pelancaran Projek Penggerak Wanita Risda (Pewaris) di Cyberjaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR 26 Februari 2024, 7:33 am

CYBERJAYA: Inisiatif Projek Penggerak Wanita RISDA (Pewaris) yang digerakkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) diharap dapat menjadi pemangkin golongan wanita di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, Pewaris akan turun ke bawah dan menyantuni kumpulan sasaran dengan kaedah baharu yang bersesuaian.

"Saya juga mahu Pewaris bergerak seiring dengan program JELITA@RISDA yang dilancarkan tahun ini iaitu platform TVET (Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional).

"Sebelum ini, saya sudah nyatakan bahawa pada 2027 Kolej RISDA akan melahirkan seramai 150,000 graduan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Pewaris di sini, semalam.

Katanya, beliau yakin sasaran itu dapat dicapai kerana kursus yang dijalankan sesuai dengan kehendak pasaran dan mampu melahirkan tenaga kerja mengikut pasaran.

Sementara itu, Penasihat Pewaris yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, ketika ini, jumlah pekebun kecil RISDA di seluruh negara adalah seramai 553,000 peserta.


"Daripada jumlah peserta itu, hampir 33.2 peratus adalah pekebun kecil wanita.

"Penubuhan Pewaris diluluskan pada 5 Disember tahun lalu dan ia diwujudkan bagi membantu menggerakkan aspirasi Madani dan menambah baik ekonomi," katanya.

Sebelum ini, RISDA memperkenalkan Program JELITA@RISDA ini yang direka khas bagi memberi peluang kepada wanita di kawasan luar bandar meningkatkan kemahiran dalam pelbagai sektor ekonomi.

Program JELITA@RISDA dilaksanakan secara kaedah PPT (Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu), iaitu berasaskan pengalaman kerja atau latihan secara formal yang dimiliki oleh peserta.

Selepas tamat program para peserta diberikan pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Dua dan Tahap Tiga mengikut kursus yang diikuti selaras dengan hasrat kerajaan membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2030. - UTUSAN



Remaja rogol kekasih diperintah dihantar ke Sekolah Henry Gurney

© 2024-02-26T19:21:26+08:00



Tertuduh (dua kanan) diiring polis selesai sebutan kes hari ini.

KUCHING: Seorang remaja lelaki iaitu bapa kepada bayi yang ditemui di dalam semak di kawasan perumahan Bandar Baru Samariang (BBS) pada November 2023, diperintahkan untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney kerana merogol kekasih berusia 14 tahun.

Hakim Mahkamah Sesyen Iris Awen Jon membuat keputusan itu selepas meneliti laporan sosial pesalah muda berusia 18 tahun terbabit yang dikemukakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Iris memerintahkan remaja itu dihantar ke Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo sehingga dia berusia 21 tahun.

Tertuduh mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada Mac 2023 dalam sebuah bilik di sebuah premis terletak di Metrocity Matang di sini.

Fakta kes mendedahkan pada November 2023 di BBS di sini, ibu mangsa (pengadu) mendapati anaknya melahirkan seorang bayi perempuan yang juga telah menjadi kes polis.

Pengadu tidak mengetahui bahawa mangsa mengandung namun pengadu mengesyaki mangsa telah melakukan seks dengan seorang lelaki (tertuduh) di Metrocity Matang.

Susulan itu, pengadu membuat laporan untuk tindakan dan siasatan pihak polis sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh pada 1 Disember 2023.

Hasil siasatan mendapati mangsa dan tertuduh merupakan pasangan kekasih serta telah berlaku kejadian rogol sehingga mangsa melahirkan seorang bayi perempuan.

Malah, kaporan kimia iaitu sampel DNA mengesahkan tertuduh merupakan bapa kepada bayi tersebut.


Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam pada itu, mangsa iaitu ibu kepada bayi perempuan tersebut diperintahkan untuk menyempurnakan bon berkelakuan baik selama enam bulan oleh Mahkamah Majistret pada 11 Disember 2023 kerana menyembunyikan kelahiran bayinya.

Pada 29 November 2023, polis bertugas di Balai Polis Santubong dekat sini menerima panggilan telefon daripada orang awam yang menyatakan telah menjumpai seorang bayi perempuan yang masih hidup di kawasan semak berdekatan Lorong 19, Cahaya Damai, BBS di sini.

Difahamkan, bayi tersebut yang masih bertali pusat kemudian diserahkan kepada pihak polis dan seterusnya dihantar ke Hospital Umum Sarawak untuk tindakan selanjutnya.

Hasil siasatan polis kemudian membawa kepada penangkapan mangsa sekitar jam 8 malam pada 29 November 2023.



Lelaki Pakistan menghendap wanita didenda RM6,000



TERTUDUH (kanan) didenda RM6,000 oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, Melaka kerana menghendap seorang wanita tahun lalu.

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI | 26 Februari 2024, 6:08 pm

MELAKA: Padah menghendap seorang wanita berulang kali, Mahkamah Majistret di sini hari ini mengenakan denda RM6,000 terhadap seorang lelaki warga Pakistan.

Majistret Khairunnisak Hassni membuat ketetapan itu selepas tertuduh Ahmed Waqar, 30, mengekalkan pengakuan bersalah seperti ketika dituduh kali pertama pada 30 Januari lalu.

Dalam penghakimannya, Khairunnisak menimbangkan fakta kes, rayuan dan hujah pemberatan hukuman oleh Timbalan Pendakwa Raya Wardah Ishhar.

Beliau turut memerintahkan tertuduh dipenjara lapan bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Ahmed Waqar yang diwakili peguam Umar Zulkarnain bagaimanapun membayar dengan tersebut.


Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa telah berulang kali mengganggu seorang wanita tempatan berusia 30 tahun dengan menghendap melalui tingkap di belakang rumah mangsa di Bukit Beruang dalam daerah Melaka Tengah.

Perbuatan itu dilakukan antara pukul 5.52 pagi sehingga 6.10 pagi antara 14 November sehingga 6 Disember 2023.

Sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman penjara maksimum tiga tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 507A (1) Kanun Keseksaan yang boleh di hukum di bawah Seksyen 507A (3) kanun sama.

Terdahulu, Wardah memohon tertuduh dikenakan hukuman berbentuk pengajaran kerana perbuatannya menghendap menimbulkan ketakutan kepada pengadu.

Peguam bagaimanapun merayu hukuman ringan atas alasan tertuduh yang juga pembantu kedai makan sudah insaf dan berjanji akan menghormati peraturan dan undang-undang di negara ini.



Kes rogol di jejantas: Lelaki Pakistan tukar pengakuan

BERNAMA



MAHKAMAH Petaling Jaya. FOTO Google Maps

Petaling Jaya: Seorang penganggur warga Pakistan menukar pengakuan kepada tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan merogol seorang wanita di Jejantas Keretapi Tanah Melayu (KTM) Serdang, bulan lalu.

Muhamad Mudasar, 23, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh bagi menukar pengakuan yang dibuatnya pada [prosiding sebelum ini](#).

Pada 23 Januari lalu, Muhamad Mudasar, 23 [mengaku bersalah](#) atas pertuduhan merogol dan merompak seorang wanita berusia 29 tahun dan meletakkan mangsa dalam ketakutan, kematian atau kecederaan dengan mengacukan sebilah pisau kepada mangsa di jejantas itu.

Pertuduhan mengikut Seksyen 376 (2)(6) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 30 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Dia turut berdepan pertuduhan merompak telefon bimbit serta wang tunai RM80 milik mangsa sama menggunakan sebilah pisau mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 397 kanun sama yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun dan denda atau sebatan.

Kedua-dua perbuatan itu didakwa dilakukan pada 12.45 tengah malam, 14 Jan lepas.

Pengakuan bersalah tertuduh sebelum ini menyebabkan mahkamah menetapkan hari ini untuk fakta kes dan hukuman.

Bagi kesalahan merompak, tertuduh bagaimanapun hanya mengakui pertuduhan dan fakta kes, namun tidak mengakui gambar barang-barang kes selepas ditunjukkan kepadanya pada prosiding hari ini.

Mahkamah kemudian menetapkan 14 Mac ini untuk sebutan semula kes dengan pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Anis Hakimah Ibrahim manakala Muhamad tidak diwakili peguam.


Di Mahkamah Sesyen berasingan, Hakim Noor Ruzilawati Mohd Nor menetapkan 26 Mac ini untuk sebutan semula kes rompak dihadapi Muhamad, yang turut menukar pengakuan kepada tidak bersalah pada prosiding hari ini.

Muhamad dan rakan senegarannya Muhammad Waqas, 29, didakwa merompak dua telefon bimbit bernilai RM2,070 milik seorang wanita berusia 20 tahun menggunakan sebilah pisau di tempat sama pada 11.15 malam 30 Dis lepas.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 395 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 397 kanun sama yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan.

Pada prosiding sebelum ini, Muhammad Waqas mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu dan minta dibicarakan.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Zuhaini Mahamad Amin manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.



Bayi 16 bulan minum 'susu syabu' sudah pulih

Oleh TUAN NURHIDAYAH TUAN AB.GHANI 26 Februari 2024, 3:24 pm



GAMBAR HIASAN

PETALING JAYA – Bayi lelaki berusia setahun empat bulan yang didakwa meminum susu yang dicampur cecair syabu sudah dibenarkan keluar Hospital Kajang pada Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Jaafar@Ismail berkata, mangsa disahkan sudah pulih selepas mendapatkan rawatan di hospital berkenaan.

"Mangsa kini dalam jagaan neneknya," katanya ketika dihubungi Kosmo! hari ini.

Semalam Kosmo! melaporkan seorang bayi lelaki dikejarkan ke hospital selepas ibunya tersilap membancuh susu yang dicampur dengan cecair syabu dalam kejadian di Taman Medan, di sini, 19 Februari lalu.

Difahamkan bayi tersebut tidak berhenti menangis dan sukar dikawal ketika dijaga neneknya yang berusia 55 tahun di Seri Kembangan pada hari kejadian.

Ibu mangsa yang berusia 34 tahun mengaku tersilap membancuh susu menggunakan cecair syabu milik suaminya yang berusia 40 tahun.

Polis kemudian menahan pasangan suami isteri tersebut pada keesokan harinya. Ujian air kencing mendapati pasangan itu positif dadah.

Mengulas lanjut beliau berkata, tempoh reman kedua-dua suspek mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak Kanak 2001 itu akan tamat esok.

"Kertas siasatan dihantar ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor hari ini. Sebarang perkembangan terbaharu akan dikongsikan dari semasa ke semasa," katanya. – KOSMO! ONLINE.



TAJUK : KUTIP BESI BURUK SARA LIMA ANAK, IBU MENTUA SAKIT

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 FEB 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



MOHAMAD Yaacob mengutip besi buruk menggunakan motosikal roda tiga sebelum dikumpul di rumahnya di Kampung Serkong, Pengkalan Kubor. Gambar kecil, Mohamad Yaacob dan Masitah menguruskan ibu mentuanya, Siti Mariam yang diserang strok sejak sebulan lalu.
- Gambar NSTP/SITI ROHANA IDRIS

Kutip besi buruk sara lima anak, ibu mentua sakit



Tumpat: Pasangan suami isteri dari Kampung Serkong, Pengkalan Kubor di sini sanggup keluar mencari besi buruk hingga ke malam demi menyara lima anak serta ibu mentuanya yang sakit.

Sudah tiga tahun Mohamad Yaacob Hamid, 39,

melakukan pekerjaan hakiki itu dan ada kalanya dibantu isteri, Masitah Jusoh, 40, semata-mata mencari sesuap nasi, selain menampung perbelanjaan ibu mentuanya menghadapi angin ahmar.

Mohamad Yaacob berkata, sebelum ini dia bekerja sebagai penyambut tetamu di sebuah resort di Pulau Perhentian, Terengganu dan diberhentikan kerja ketika wabak Covid-19 melanda dan terus pulang serta menetap di kampung halaman.


"Apabila keadaan (wabak) sudah pulih, saya terus menetap di kampung kerana ibu mentua saya menghadapi sakit saraf se-

belum diserang angin ahmar sebulan lalu dan agak sukar untuk saya meninggalkan isteri serta anak.

"Disebabkan tiada kerja lain yang sesuai dengan kekangan situasi kami, saya memilih mengutip besi di sekitar Tumpat dan secara puratanya memperoleh sekitar RM500 sebulan," katanya.

Beliau dengan menggunakan motosikal roda tiga dia mencari besi di rumah kediaman pada waktu siang dan malam pula menyelongkar tong sampah.

Isterinya, Masitah mengakui pendapatan suaminya tidak mencukupi untuk perbelanjaan mereka sekeluarga meskipun ibunya, Siti Mariam Derahman, 77, menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM500 sebulan yang digunakan sepenuhnya membeli susu khas serta lampin pakai buang.



TAJUK : REZEKI MOTOR RODA TIGA

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 FEB 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Oleh Rosman
Shamsudin
am@hmetro.com.my

Slim River

Kemampuan seorang wanita menunggang motosikal beroda tiga sejauh kira-kira tujuh kilometer (km) sambil membawa barangan jualan dan meredah jalan yang di kelilingi ladang kelapa sawit dikagumi.

Ibu kepada tiga orang anak, Nor Baizurah Basri, 39, berkata, menjadi rutin hariannya menunggang motosikal berkenaan dari rumah dekat Kampung Seri Keledang, Hulu Bernam, Selangor ke tepi Jalan Slim River-Felda Besout dekat Kampung Kuala Slim, Perak untuk berniaga rojak buah dan air balang.

Katanya, segelintir orang nampak mudah mengendalikan sambil menunggang motosikal berkenaan namun pada hakikatnya hanya mereka yang pernah menunggang sahaja yang tahu.

"Saya mengambil masa beberapa hari berlatih menunggang motosikal terabit sebelum menunggang ke tempat jualan terabit setiap hari.

"Bukannya mudah, semasa menunggang saya perlu fokus pada motosikal di samping tempat simpanan barang yang terdapat di kiri motosikal juga perlu dikawal seiring dengan motosikal," katanya ketika ditemui dekat sini.

Sebelum ini, dia menjalankan perniagaan berkenaan di tepi jalan dekat ka-

Rezeki motor roda tiga

Ibu tiga anak tunggang motosikal sejauh tujuh km redah laluan dikelilingi ladang sawit jual rojak buah, air balang di tepi jalan



NOR Baizurah (kanan) sambil dibantu rakannya, Zenni (kiri) berniaga di tepi Jalan Slim River-Felda Besout dekat Kampung Kuala Slim bermula jam 11.00 pagi setiap hari. - Gambar NSTP/ROSMAN SHAMSUDIN

wasan kampung yang dia diami sahaja.

Namun selepas menerima bantuan motosikal daripada Teraju Ekonomi Asnaf (Teras) melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS) dia mengambil inisiatif ke tempat jualan baru dengan menunggang motosikal berkenaan.

Nor Baizurah berkata, sebagai wanita bukan mudah untuk menunggang motosikal berkenaan apatah lagi kadangkala terpaksa memperlambatkan dan terpaksa berhentikan motosikal ketika berselisih dengan ken-

deraan lain.

"Jalan yang saya lalui bukan sahaja agak sempit malah ada kawasan jalan yang berlubang dan di sini memerlukan kecekapan ketika menunggang motosikal berkenaan.

"Mahu tidak mahu saya beranikan diri dan cekalkan hati merentas sempadan negeri setiap hari demi mencari rezeki dan menambah sumber pendapatan keluarga.

"Aktiviti jualan kini lebih berjalan lancar sejak menggunakan motosikal beroda tiga dan tidak perlu lagi



NOR Baizurah bersama motosikal roda tiga ditunggang setiap hari untuk berniaga.

berulang alik ke rumah untuk membawa barangan untuk berniaga," katanya.

Selain rojak buah dan air balang, dia turut menjual

buah potong dan sengkang yang disalut dengan kuah rojak.

Setiap hari bermula kira-kira jam 11.00 pagi dia

dibantu oleh sahabatnya, Zenni Ramesh, 44, untuk menjual dan melayan pelanggan di tepi jalan berkenaan.



TAJUK : NGO REACHES OUT TO FAMILY OF BABY WITH KIDNEY PROBLEMS

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 27 FEB 2024

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

NGO reaches out to family of baby with kidney problems

KUCHING: Nur Aafiah Abdul Hamid, a nine-month-old infant looks healthy like any ordinary baby, but she has been suffering from kidney problems since birth, according to Hope Place Kuching.

During a recent visit to Nur Aafiah and her family in a village in Asajaya near here, the non-governmental organisation (NGO) handed over baby formula and diapers to the family to help address their financial difficulties.

"Abdul Hamid and his wife, Suhana, have four children, and Nur Aafiah is their youngest.

"The baby outwardly looks healthy, like any ordinary baby. However, her kidney has blockage.

"If she takes too much liquid, her tummy would bloat abnormally and she would vomit," said Hope Place in a press release yesterday.

According to Suhana, 33, Nur Aafiah was supposed to undergo kidney surgery in January this year, but this could not be undertaken due to the baby being underweight.

"The surgery has been postponed until the baby has gained some weight," said Hope Place.

Abdul Hamid, 46, is a fisherman at the village.

"His meagre earnings of below RM800 monthly could barely provide for his whole family.

"Nur Aafiah's two immediate older siblings are still in school. Abdul Hamid's eldest child has just finished Form 5, and is in the midst of finding a job," added the NGO.

In view of Nur Aafiah's



Hope Place representative with Abdul Hamid's family.

condition, the family receives monthly social welfare financial aid of RM200.


Suhana also told Hope Place that they received a one-off assistance from Tabung Baitulmal Sarawak last year.

"Hope Place welcomes all donations and will issue receipts

upon request.

"You can donate to Maybank account 511289001160, made payable to 'Persatuan Kebajikan Harapan Kuching, or go to Hope Place Facebook page to obtain the S Pay Global QR code.

"For more information, call us on 082-505 987," it said.



TAJUK : RAPE OF MINOR: BOY IN KUCHING SENT TO HENRY GURNEY SCHOOL

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 27 FEB 2024

M/SURAT : 07

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Policemen escorting the teenager at Kuching Court Complex.

Rape of minor: Boy in Kuching sent to Henry Gurney School

Desiree David

KUCHING: An 18-year-old boy, the father of a newborn baby who was found among the bushes in Bandar Baru Samariang last November, was sent to Henry Gurney School in Puncak Borneo after having pleaded guilty to raping a 14-year-old girl.

It is learned that he would remain at the school until he reaches the age of 21.

Sessions Court Judge Iris Awen Jon yesterday meted out the sentence against the young offender after receiving a report from the Welfare Department.

The boy was charged under Section 376(1) of the Penal Code, which provides for an imprisonment term of up to 20 years, or caning, upon conviction.

According to the facts of the case, the boy had raped the girl inside a room at the Matang area here in March last year.

The girl's mother lodged a police report after she gave birth to a baby girl on Nov 28, 2023.

The complainant did not know that her daughter was pregnant, and suspected that she had sex with the boy in Matang.

Following police investigation, the boy was arrested on Dec 1 last year, and a chemist report confirmed that he is the biological father of the baby.

The case was prosecuted by DPP Ruvinasini Pandian, while the boy was unrepresented by counsel.

Meanwhile, the Magistrates' Court had, on Dec 11 last year, ordered the girl to undergo

a six-month good-behaviour bond after she pleaded guilty to concealing the birth of a baby girl in Bandar Baru Samariang.

Based on the facts of the case, a police officer, who was the complainant in this case, was on duty at the Santubong police station when she received a phone call from a member of the public stating that a baby girl had been found in the grasses near Lorong 19, Cahaya Damai in Bandar Baru Samariang, at 9.45am on Nov 29 last year.

The baby, with the umbilical cord still attached, was then handed over to the police before being sent to Sarawak General Hospital for further action.

The investigation led to the arrest of the girl at around 8pm on Nov 29.



TAJUK : YAYASAN PETRONAS DISTRIBUTES FOOD AID TO NEEDY FOLKS IN BAU

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 27 FEB 2024

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Petronas staff members distribute essential food supplies to one of the recipients under the foundation's 'Uplifting Lives Festive 2024' programme for the Chinese New Year.

Yayasan Petronas distributes food aid to needy folks in Bau

KUCHING: Yayasan Petronas recently distributed essential food supplies to some 200 underprivileged families in Bau, in connection with Chinese New Year 2024 celebration.

Each household received a food basket consisting of rice, sugar, flour, salt, cooking oil, noodles, canned sardines and chicken curry, tea, chocolate malt beverage mix, dried mushrooms, sesame oil, 'taucu' sauce, and also cookies.

The items were sourced from participants of the 'Memampankan Ekonomi Asas Rakyat' (Mekar) programme, said the foundation in a statement yesterday.

Petronas Sarawak general manager Zulaihi Mantali remarked: "It was part of Yayasan Petronas' 'Uplifting Lives Festive 2024' programme, being

implemented in collaboration with the Welfare Department (JKM).


"Since 2019, 6,450 Chinese recipients in Sarawak have benefitted from this programme.

"We hope that our contributions would bring joy to the less-fortunate families in celebrating the Chinese New Year."

This year, a total of 2,100 families from various regions across Malaysia have benefitted from the 'Uplifting Lives Festive Chinese New Year' programme.

The Uplifting Lives programme is an integral part of Yayasan Petrona's community well-being and development strategy.

This initiative aligns with the 'Petronas Sustainability Agenda' and also with the United Nations' Sustainable Development Goals.



TAJUK : YOUTH, WOMEN MEMBERS OF PDP BAANG ASSAN COME TOGETHER TO LONGHOUSE FIRE VICTIMS' AID

HARI : SELASA AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 27 FEB 2024 M/SURAT : 08

TONE : POSITIF SEKTOR : KPWKM



Ting (standing, fourth left) and his PDP Bawang Assan team with the fire victims of Rumah Rebah in Nanga Tutus.

Youth, women members of PDP Bawang Assan come together to longhouse fire victims' aid

SIBU: The Youth chief of the Progressive Democratic Party (PDP) Bawang Assan branch Councillor Joshua Ting, together with his team, recently visited the residents of Rumah Rebah, a longhouse at Nanga Tutus near here that was destroyed in a fire that struck on Feb 18.


Ting led the branch's youth and women members in the programme to reach out to the

victims.

"Members of seven households were left homeless in the incident.

"We come here to provide them with some daily necessities, hoping that the contributions could help them get by during these trying times.

"We also hope that they could rebuild their longhouse as soon as possible, and return to normal life," said Ting.



TAJUK : MAN CHANGES PLEA IN RAPE CASE

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 27 FEB 2024

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Rape charge: Muhamad being led to the Sessions Court. — Bernama

Man changes plea in rape case

PETALING JAYA: An unemployed Pakistani man changed his plea to not guilty at the Sessions Court here to the charge of raping a woman on an overhead bridge at the Serdang Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTM) railway station last month.

Muhamad Mudasar, 23, claimed trial before judge Syahliza Warnoh.

He had previously pleaded guilty on Jan 23 to raping a woman, 29, at 12.45am on Jan 14 and robbing her of her mobile phone and RM80 with a knife.

The court then set March 14 for case mention. Deputy public prosecutor Anis Hakimah Ibrahim conducted the prosecution while Muhamad was unrepresented.

Muhamad also changed his guilty plea to

not guilty in a separate Sessions Court, in front of Judge Noor Ruzilawati Mohd Nor, Bernama reported.

He and his compatriot Muhammad Waqas, 29, were charged with robbing two mobile phones worth RM2,070 from a 20-year-old woman using a knife at the same place at 11.15pm on Dec 30, under Section 395 of the Penal Code.

Muhammad Waqas had pleaded not guilty to the charge and requested a trial at the previous hearing.

Judge Noor Ruzilawati then set the case for mention on March 26.

The prosecution was led by deputy public prosecutor Ahmad Zuhaini Mahamad Amin while both accused were unrepresented.